Nama: ........................................................ Kelas: .................................... Tarikh: ....................................

## PT3 Praktis 6: Kata Terbitan

Buku Teks: m.s. 103

### Bahagian A

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang *paling sesuai.*

1 Cikgu Nazim ________ khabar ayah saya yang masih terlantar di hospital.
A ditanya C menanya
B bertanya D bertanyakan

2 Semua murid akan ________ lagu Negaraku semasa perhimpunan mingguan sekolah diadakan.
A menyanyikan C bernyanyi
B dinyanyikan D nyanyikan

3 Hujah-hujah yang bernas telah ________ oleh pemidato yang terakhir itu dengan penuh keyakinan.
A sampaikan
B kesampaian
C disampaikan
D menyampaikan

**Soalan 4** *berdasarkan gambar di bawah ini.*



4 Gunalan ________ anaknya memperkemas susunan pingat yang disimpan di dalam almari.
**A** diperhati
**B** perhatian
**C** diperhatikan
**D** memerhatikan

B. Ayat-ayat di bawah ini *mungkin betul* dan *mungkin salah*. Jika *terdapat kesalahan*, kesalahan itu telah ditandakan dengan *A*, *B*, atau *C* dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan *D*. Pilih jawapan yang *paling sesuai.*

1 <u>Permohonan</u> (**A**) pinjaman perumahan Encik Suresh telah mendapat <u>kelulusan</u> (**B**) daripada pihak pengurusan bank <u>berkenaan.</u> (**C**) <u>Tiada kesalahan.</u> (**D**)

2 Lawatan tersebut <u>diharapkan</u> (**A**) dapat <u>mempereratkan</u> (**B**) hubungan <u>persahabatan</u> (**C**) antara usahawan Malaysia dengan usahawan Indonesia. <u>Tiada kesalahan.</u> (**D**)

### Bahagian B

**Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat *satu kesalahan bahasa*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis jawapan* yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

(i) Kemerdekaan yang diperjuangkan oleh pemimpin terdahulu perlu diperingati dan dihargai oleh setiap warganegara Malaysia.

______________________________

(ii) Perlakuan yang bertentang dengan adab dan budaya setempat lazimnya menjadi buah mulut orang ramai.

______________________________

LIVEWORKSHEETS